

WASIAT SEBAGAI INSTRUMEN PERANCANGAN HARTA ISLAM: PROSEDUR DAN PELAKSANAAN

(Bequest as an Instrument for Islamic Wealth Planning: Procedure and Application)

NASRUL HISYAM NOR MUHAMAD

Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor,
Malaysia

ABSTRAK

Wasiat dalam undang-undang Islam merupakan satu konsep yang tersendiri dan berbeza dengan undang-undang sivil. Ketidaktahuan masyarakat Islam mengenai hukum dan prosedur wasiat merupakan sebahagian punca wasiat tidak dipraktikkan secara optimum dalam perancangan harta orang Islam dan seterusnya menyebabkan isu harta pusaka tidak dituntut masih berterusan. Justeru, makalah ini memfokuskan kepada situasi pewarisan harta yang perlu kepada wasiat dan sudut pelaksanaannya. Negeri Selangor sebagai negeri pertama di Malaysia yang melulus dan melaksanakan undang-undang wasiat dijadikan sebagai rujukan. Skop makalah ini dihadkan kepada peranan Majlis Agama Islam Selangor dalam menyediakan perkhidmatan pengurusan wasiat yang berpandukan Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 (No. 4/1999) dan Kaedah-kaedah Pengurusan Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 2008 (No. 13/2008). Untuk tujuan tersebut, makalah ini akan menghuraikan konsep wasiat dalam undang-undang Islam dan peranannya sebagai instrumen perancangan harta yang berkesan. Makalah ini menggunakan pendekatan analisis dokumen dan pemerhatian terhadap pelaksanaan wasiat di Majlis Agama Islam Selangor. Wasiat sesuai dijadikan sebagai instrumen perancangan harta. Namun, hal ini memerlukan beberapa pindaan kepada undang-undang yang sedia ada seperti yang dicadangkan dalam makalah ini.

Kata kunci: Wasiat; perancangan harta; pewarisan; undang-undang Islam, Majlis Agama Islam Selangor

ABSTRACT

Bequest (or will) in Islamic law is a unique concept and quite different from the civil law. The misunderstanding among Muslims community about the law and procedures on bequest is part of the reason why bequest is not practiced optimally in the Muslims estate planning and resulting in the issue of unclaimed inheritance is still unresolved. Therefore, this article focused on the situations of inheritance necessary to the execution of wills and the way of implementation. Selangor as the first state in Malaysia to approve and implement the will substantive law bequest be considered as a reference for this article. The scope of this article is limited to the roles of the Selangor Islamic Religious Council in providing the will services based on the Muslim Wills Enactment (State of Selangor) (No. 4/1999) and Rules of Wills Management (State of Selangor) 2008 (No. 13/2008). For this purposes, this article will discuss the concept of a bequest in Islamic law and its roles as an effective wealth planning instrument. The approaches used in this article are based on document analysis and observation on execution of bequest conducted by Majlis Agama Islam Selangor. Bequest (or will) is suitable as an instrument for property management. However, to accommodate this instrument, amendments proposed in this article are needed to the existing law.

Keywords: *Will; property planning; inheritance; Islamic law; Selangor Islamic Religious Council*

PENGENALAN

Harta pusaka merupakan peninggalan si mati yang perlu diuruskan dengan efisien. Hal ini, antara lain dapat mempercepatkan urusan pembahagian kepada waris yang berhak. Realiti di Malaysia, rekod harta pusaka yang dilaporkan tertunggak pada umumnya adalah tinggi dan kian meningkat. Misalnya, pada tahun 2009 dilaporkan kes tuntutan harta pusaka yang tertanggung telah mencecah RM42 bilion dan RM1.8 bilion wang terpendam di Pendaftar Wang Yang Tidak Dituntut kerana tidak diselesaikan oleh waris (Utusan Malaysia 2009). Pada tahun 2010, dilaporkan sebanyak 500,000 pewaris aset beku dalam kalangan orang Islam yang tidak membuat tuntutan atau belum menyelesaikan proses tuntutan harta pusaka mereka (Utusan Malaysia 2010). Seterusnya, angka yang dilaporkan sebagai harta pusaka tertunggak bernilai RM52 bilion pada tahun 2013 (Utusan Malaysia 2013). Masalah sikap waris dikenal pasti sebagai punca utama kepada isu harta pusaka tertunggak di Malaysia. Hal ini termasuklah kurangnya pengetahuan dan kesedaran berkenaan kepentingan perancangan harta (MY Ahmad 2010; Nasrul Hisyam 2015). Dalam konteks tersebut, antara perkara yang boleh ditekankan dalam masyarakat ialah kepentingan membuat wasiat. Mekanisme wasiat ini akan dapat memudah dan

mempercepatkan urusan pelupusan harta pusaka selepas kematian. Hal ini sekaligus dapat menjadi pelengkap kepada undang-undang pembahagian harta menerusi faraid serta dapat mengelakkan berlakunya ketidakadilan dan penganiayaan kepada mereka yang berhak (MY Ahmad 2010; Nasrul Hisyam 2011). Dengan demikian, adalah penting untuk masyarakat memahami konsep, prosedur dan pelaksanaan wasiat berdasarkan peruntukan hukum dan undang-undang semasa.

KONSEP WASIAT

Wasiat berasal daripada perkataan Arab iaitu *waṣa* yang bermaksud membuat janji (Ibn al-Manzur 2003). Manakala perkataan *waṣiyyah* (wasiat) dalam bahasa Arab merujuk kepada sesuatu yang diwasiatkan, namun kemudiannya digunakan untuk menunjukkan perbuatan atau perilaku wasiat itu sendiri (Ibrahim Mustafa t.th). Penggunaan perkataan wasiat dari segi bahasa merangkumi wasiat terhadap harta atau selain harta (Badran 1985). Walau bagaimanapun, penggunaan istilah wasiat dari segi syarak hanya merujuk kepada wasiat harta sahaja (al-Jaziri t.th.; Kamal Hamdi 1987). Perkara 1, Undang-undang Wasiat Mesir 1946 (No. 71/1946) memperuntukkan bahawa 'Wasiat adalah suatu *tasarruf* terhadap harta pusaka yang terlaksana selepas kematian (pewasiat)'. Dalam konteks Malaysia, definisi wasiat yang diperuntukkan oleh Seksyen 2, Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 (No. 4/1999) ialah *Iqrar* seseorang yang diperbuat pada masa hayatnya ke atas hartanya atau manfaat untuk menyempurnakan sesuatu bagi maksud kebajikan atau apa-apa maksud yang dibenarkan menurut hukum syarak, selepas dia mati. Definisi yang diberi oleh enakmen tersebut adalah sama sepertimana yang diperuntukkan oleh Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 (No. 5/2004) dan Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005 (No. 4/2005). Definisi wasiat yang disenaraikan memberi maksud yang sama iaitu wasiat merupakan satu dedikasi untuk memindah milik harta atau manfaat harta secara percuma yang berkuatkuasa selepas kematian pewasiat tersebut. Wasiat berbeza dengan hibah dari sudut kuatkuasa pindah milik harta hibah adalah pada masa hidup penghibah (Nasrul Hisyam 2011). Dapat dirumuskan bahawa wasiat adalah satu akad atau kontrak yang didedikasikan semasa hayat pemilik harta untuk memindahmilikkan hartanya kepada benefisiari yang hanya berkuatkuasa selepas kematiannya. Subjek kepada wasiat ini boleh berupa '*ayn (corpus)* atau manfaat (*usufruct*).

Wasiat Sebagai Instrumen Perancangan Harta

Merujuk kepada wasiat sebagai instrumen perancangan harta, ia merupakan sebahagian daripada sistem perwarisan Islam di samping faraid, hibah, wakaf, dan sebagainya. Penggunaan setiap instrumen syariah tersebut, terutamanya wasiat, hibah, dan wakaf adalah bergantung kepada keperluan, situasi, dan kehendak pemilik harta. Sementara

faraid pula merupakan arahan yang bersifat mandatori daripada Allah bagi mereka yang meninggal dunia dan memiliki harta setelah ditunaikan kesemua kewajipan lain (Lucy Carroll 2001). Wasiat boleh digunakan sebagai instrumen perancangan harta bagi seseorang yang memiliki keluarga yang tidak dapat mewarisi harta pusakanya kerana perbezaan agama atau terhalang oleh waris yang lebih dekat atau kerana mereka memang tidak berhak mewarisinya. Dengan demikian, kebimbangan mengenai halangan untuk menurunkan harta kepada keluarga asal (yang belum Islam) bagi mereka yang baru memeluk Islam tidaklah berbangkit kerana ia boleh diselesaikan melalui wasiat (selain hibah). Ini kerana seseorang yang beragama Islam diharuskan untuk berwasiat kepada sesiapa yang dikehendaki, termasuk dalam kalangan keluarganya yang bukan Islam dengan syarat kadar wasiat itu tidak melebihi satu pertiga nilai harta bersihnya. Begitu juga keadaannya bagi orang yang mempunyai ahli keluarga dekat, namun terhalang untuk menerima pusaka disebabkan dihijab oleh keluarga yang lebih dekat. Misalnya, seorang mati meninggalkan isteri, bapa, ibu, seorang anak lelaki, seorang anak perempuan, seorang adik perempuan (Abu Zahrah t.th). Dalam kes ini, adik perempuan tidak mendapat apa-apa kerana dihalang oleh bapa dan anak lelaki. Oleh kerana itu, jika si mati tersebut berkeinginan untuk mengagihkan harta kepada adik perempuannya, maka dia boleh berbuat demikian melalui prosedur wasiat (selain melalui hibah ketika hayat si mati). Wasiat kepada ahli keluarga yang tidak mewarisi ini adalah penting terutamanya bagi membantu ahli keluarga yang susah dan memerlukan sokongan hidup.

Wasiat boleh juga digunakan sebagai instrumen perancangan harta dalam keadaan seseorang memiliki harta yang banyak, dan berhasrat agar harta itu dikekalkan dalam bentuk yang asal dalam erti kata ianya tidak dijual untuk dibahagi-bahagikan hasil jualan kepada ahli waris dengan kadar agihan faraid. Oleh kerana itu, apa yang dibuat oleh sesetengah orang dalam situasi ini, khususnya orang kampung yang memiliki pelbagai jenis hartanah ialah dengan mewasiatkan harta-harta tertentu kepada waris-waris tertentu. Dalam hal ini, terdapat satu pandangan daripada mazhab Shafie dan Hanbali yang mengatakan bahawa wasiat dengan cara membahagi-bahagikan harta sedemikian adalah harus dan boleh berkuatkuasa. Namun demikian, keharusan wasiat dengan cara ini adalah tertakluk kepada syarat bahawa pembahagiannya mestilah dilakukan dengan adil dengan erti kata setiap waris (benefisiari wasiat) mendapat harta yang sama nilainya dengan kadar dan nilai yang dia berhak berdasarkan pembahagian menerusi faraid (al-Zuhayli 1998). Pelaksanaan wasiat untuk membahagikan harta pusaka dengan nilai faraid ini tidak memerlukan keizinan daripada waris-waris (walaupun ianya merupakan satu bentuk wasiat kepada waris yang disyaratkan keizinan waris-waris lain). Hal ini adalah kerana hak setiap ahli waris adalah kepada nilai harta yang dipusakai dan bukannya kepada harta-harta tertentu daripada harta pusaka itu. Hujahnya, jika si

mati (yang meninggalkan harta pusaka) menjual keseluruhan harta pusakanya ketika sakit mati *marad al-Mawt* dengan harga yang setanding dengan nilai harta tersebut, jual beli itu dianggap sah. Walau bagaimanapun, sekiranya nilai sesuatu harta itu melebihi nilai bahagian pusakanya, maka yang lebih itu dianggap sebagai wasiat dan ia adalah tertakluk kepada keizinan para waris (al-Zuhayli 1998). Namun, di Mesir penilaian yang lebih itu boleh dilaksanakan tanpa kebenaran ahli waris yang lain berdasarkan kepada peraturan wasiat di Mesir yang membenarkan wasiat kepada waris dalam lingkungan sepertiga tanpa memerlukan keizinan waris (Perkara 13, Undang-undang Wasiat Mesir 1946).

Seseorang yang ingin membuat amal jariah selepas kematian boleh mewasiatkan bahagian tertentu hartanya (dengan syarat tidak melebihi kadar satu pertiga harta) kepada badan-badan tertentu yang difikirkan patut. Agihan harta melalui wasiat juga signifikan bagi orang yang memiliki anak angkat kerana anak angkat tidak berhak untuk menerima harta melalui faraid. Walau bagaimanapun, bagi sesetengah orang, wasiat ini sesuatu yang tidak patut dilakukan kerana boleh menjejaskan hak waris. Disebabkan oleh tanggapan sedemikian, pemilik harta tidak membuat wasiat kerana bimbang perbuatan tersebut akan mengakibatkan waris-warisan tidak mendapat hak yang sepatutnya, walaupun (misalnya) dia mempunyai anak angkat yang telah menjaganya sehingga ke hari tuanya. Waris pula menganggap bahawa mereka sahajalah yang layak menerima harta pusaka si mati. Jika ada orang lain yang mendapat sebahagian harta tersebut bersama-sama mereka, maka orang itu akan dianggap sebagai merampas hak mereka. Sebenarnya, persoalan wasiat menafikan hak waris untuk mendapat bahagian daripada harta pusaka adalah tidak berbangkit kerana hak waris terhadap harta pusaka melalui sistem faraid hanya wujud selepas kematian pemilik harta. Dengan kata lain, apa yang dikatakan sebagai 'harta pusaka' itu ialah harta seseorang selepas kematiannya. Selepas kematian pemilik harta, barulah seseorang waris diiktiraf oleh hukum syarak mempunyai hak eksklusif terhadap harta pusaka. Hak ini tidak akan luput walaupun pemilik harta semasa hidupnya berikrar bahawa harta pusakanya tidak akan diagihkan kepada waris tertentu, melainkan jika berlaku sebab-sebab tertentu yang menghalang perwarisan itu berlaku seperti waris membunuh pemilik harta dan seumpamanya. Jika misalnya, seorang bapa berhasrat menyekat anaknya yang derhaka atau tidak menjalankan tanggungjawab sebagai anak daripada menerima bahagian harta pusakanya, maka hasrat tersebut tidak boleh dilaksanakan kerana hak terhadap harta pusaka tersebut adalah ditetapkan oleh Allah dan bukannya oleh si ayah. Berasaskan hal ini, wasiat seorang bapa untuk mengagihkan hartanya kepada waris tertentu dan menafikan waris yang lain adalah terbatal dengan sendiri. Mana-mana waris yang dinafikan haknya untuk memperoleh harta pusaka berhak membuat tuntutan di mahkamah dan mahkamah dalam hal ini hendaklah mempertimbangkan tuntutan tersebut (Alaromic Rumsey 1994). Dengan demikian, pembahagian harta pusaka secara faraid ini adalah

satu kewajipan yang telah ditetapkan dan tidak boleh dipertikan oleh sesiapa pun (al-Nisa' 4: 11 dan 13). Oleh kerana hak waris ke atas harta pusaka hanya sabit selepas kematian pemilik harta, maka perancangan dan pembahagian harta yang dibuat oleh pemilik harta semasa hayatnya tidaklah boleh dikatakan sebagai bercanggah dengan prinsip faraid dalam syarak. Hal ini kerana Islam sememangnya mengiktiraf hak seseorang individu semasa hayatnya untuk berbelanja dan menguruskan harta semahunya selagi mana tidak bercanggah dengan hukum syarak. Berasaskan kenyataan ini, tindakan seseorang mewasiatkan sebahagian harta untuk tujuan tertentu dan kepada benefisiari tertentu juga dibenarkan selagi mana wasiat tersebut mematuhi peraturan syarak yang telah ditetapkan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Data kajian diperoleh melalui kaedah analisis kandungan dokumen. Sumber utama kepada dapatan mengenai prosedur dan pelaksanaan wasiat di Selangor ialah menerusi Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 (No. 4/1999) dan Kaedah-kaedah Pengurusan Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 2008 (No. 13/2008). Bagi mengukuhkan dapatan, pemerhatian telah dibuat terhadap pelaksanaan wasiat di Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), termasuk menemu bual Pengurus Harta Baitulmal MAIS. Kajian dokumentasi juga dilakukan dengan membuat penelitian terhadap sumber-sumber primer dan sekunder lain seperti statut, buku, jurnal, dan kertas kerja yang berkaitan dengan kajian. Data diolah dan dianalisis berdasarkan pendekatan analisis kandungan sesuai dengan skop dan tema kajian.

PROSEDUR WASIAT

Di Malaysia, undang-undang yang terpakai bagi wasiat orang Islam adalah hukum syarak. Bagi orang-orang bukan Islam pula, undang-undang yang terpakai bagi urusan wasiat ialah undang-undang sivil yang berasaskan undang-undang Inggeris di bawah Akta Wasiat 1959 (Akta 346). Bidang kuasa pihak berkuasa negeri dalam menggubal dan melaksanakan undang-undang wasiat orang Islam adalah berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan di bawah Jadual Kesembilan, Senarai 2, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan. Setiap negeri mempunyai satu peruntukan statutori yang menyentuh tentang bidang kuasa Mahkamah Syariah mengenai wasiat dalam statut Pentadbiran Agama Islam (bagi negeri yang tidak memperuntukkan statut khusus Mahkamah Syariah) dan statut Mahkamah Syariah masing-masing. Peruntukan dalam statut-statut tersebut memberi bidang kuasa kepada Mahkamah Tinggi Syariah untuk mendengar dan memutuskan segala isu berkenaan wasiat. Sehingga kini, tiga negeri telah mempunyai undang-undang khusus mengenai wasiat yang bersifat substantif iaitu Selangor-Enakmen Wasiat

Orang Islam (Selangor) 1999 (no. 4/1999) yang mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2004 [Sel P.U. 9/04], Negeri Sembilan-Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 (No.5/2004) yang berkuatkuasa 5 November 2004 [N.S. P.U. 20/2004], dan Melaka- Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005 (No. 4/2005) yang berkuatkuasa 1 Ogos 2005 [M.P.U. 37/05]. Sungguh pun ketiga-tiga enakmen tersebut telah pun diwartakan dan dikuatkuasakan, namun hanya negeri Selangor sahaja yang telah mempraktikkan enakmen wasiat secara menyeluruh (Indera Shahril 2012). Dengan demikian, Selangor mempunyai Kaedah-Kaedah Pengurusan Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 2008 [SEL. P.U. 8/2008] selepas ini ditulis sebagai 'Kaedah-Kaedah Pengurusan Wasiat' sebagai huraian dan tambahan kepada enakmen wasiatnya, khususnya bagi menjelaskan aspek prosedur yang perlu dipatuhi untuk pembikinan dan pelaksanaan wasiat di Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

Bagi memastikan perkhidmatan wasiat dapat dilaksanakan dengan sempurna, MAIS menetapkan beberapa prosedur sebagai yang perlu dipatuhi sebagai manual kerja Unit Wasiat dan Amanah dan prosedur yang dijadikan panduan kepada para pelanggan.

PEMBENTUKAN WASIAT

Bagi menyempurnakan pembentukan untuk sesuatu wasiat, beberapa prosedur perlu diikuti berdasarkan Kaedah-kaedah Pengurusan Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 2008 (No. 13/2008). Proses pembentukan wasiat bermula dengan permohonan daripada pewasiat. Seterusnya pihak MAIS akan melaksanakan proses penulisan wasiat, pendaftaran, dan penyimpanan wasiat.

Permohonan

Pembentukan Wasiat bermula apabila adanya permohonan dari seseorang untuk membuat wasiat Seksyen 3, Kaedah-kaedah Pengurusan Wasiat. Permohonan perlu dibuat dengan mengisi Borang Permohonan Wasiat (Borang A) serta melampirkan dokumen sokongan Perkara yang perlu dipenuhi dalam Borang A ialah maklumat pewasiat, maklumat penerima wasiat, maklumat saksi, maklumat harta yang hendak diwasiatkan, maklumat hutang (sekiranya ada) dan arahan pewasiat. Terdapat empat syarat yang perlu dipenuhi oleh seseorang pewasiat bagi menjadikan wasiat yang dibuat sah mengikut hukum syarak dan sah di sisi undang-undang iaitu tertakluk di bawah Seksyen 6 (1) iaitu seorang pewasiat hendaklah seseorang yang telah mencapai umur 18 tahun, sempurna akal, bertindak dengan sukarela dan tidak dilarang daripada menguruskan hartanya. Seseorang yang tidak layak menjadi pewasiat menurut hukum syarak, wasiatnya adalah tidak sah kecuali dengan izin dan kebenaran mahkamah Seksyen 6 (2). Pewasiat yang tidak layak bermaksud orang yang tidak mempunyai

kapasiti untuk membuat wasiat, antaranya disebabkan oleh gila, lemah fikiran, pitam dan mabuk. Namun, seseorang masih dibenarkan membuat wasiat selagi mana berada dalam keadaan waras, baik ingatan, dan memahami apa yang hendak dikatakan dan ditulis Seksyen 6(3). Selain itu, pewasiat juga tidak layak jika terdiri daripada golongan kanak-kanak dan seseorang yang dipaksa untuk membuat wasiat (Mustafa al-Khin et al. 2003). Setiap orang layak membuat wasiat tanpa mengira jantina, asalkan dewasa, bebas dan sempurna akal (Ahmad Ibrahim 1976).

Dokumen Sokongan dan Saksi

Terdapat dua bentuk pembuktian wasiat yang digunakan oleh pihak MAIS iaitu melalui dokumen sokongan dan dua orang saksi Seksyen 4(1) dan (2). Perlu disebut bahawa maksud 'halangan yang besar' dalam Seksyen 4(2) tidak diterangkan dalam Enakmen, namun boleh difahami sebagai kemungkinan dokumen itu hilang akibat kebakaran, banjir, kecurian dan seumpamanya (Ahmad Hidayat 2007). Pewasiat perlulah berwaspada ketika mengisi Borang Permohonan Wasiat dan memastikan setiap wasiat yang dibuatnya adalah benar Seksyen 4. Hal ini kerana borang dan dokumen yang telah diisi serta diserahkan kepada MAIS adalah penting sebagai bahan rujukan jika berlaku sesuatu masalah dalam tuntutan harta. Seksyen 5 (1), Kaedah-kaedah Pengurusan Wasiat mensyaratkan setiap permohonan perlu disertakan beberapa dokumen sokongan iaitu salinan sah dokumen pengenalan diri bagi pewasiat, waris, dua orang saksi; dan dokumen hak milik, sijil saham, sijil simpanan tetap berkaitan. Keperluan kepada saksi dalam akad wasiat ini, meskipun tidak disyaratkan oleh majoriti ahli fikah (al-San'ani 2005), namun merupakan satu keperluan dalam konteks semasa bagi menjamin kesahihan sesuatu wasiat dan mengelakkan unsur eksploitasi terhadap harta seseorang yang telah mati. Dari Perkara 3(2), sesuatu wasiat hanya memerlukan kepada dua saksi apabila ianya dibuat secara lisan atau isyarat. Namun, adalah lebih baik wasiat secara bertulis juga disertakan kerana bimbang bukti dokumen itu tidak dapat dikemukakan ketika proses pembuktiannya di Mahkamah. Ini bertepatan dengan Seksyen 4(2), yang menyatakan dua orang saksi diperlukan ketika bukti dokumen tidak dapat dikemukakan di Mahkamah. Kepentingan dokumen dan saksi dalam pembentukan wasiat ini dapat dilihat dalam kes *Ibrahim bin Haji Abu Bakar lwn Mohd Sah bin Mohd Ali dan lain-lain* (Jurnal Hukum, Jld. XIV BHG II. 2001).

Pendaftaran

Setiap permohonan wasiat yang diterima akan didaftarkan ke dalam Daftar Wasiat Seksyen 6(1), Kaedah-kaedah Pengurusan Wasiat. Maklumat yang terkandung di dalam Daftar Wasiat iaitu rekod mengenai sesuatu wasiat sama ada fail pewasiat masih dalam proses semakan, pewasiat telah menandatangani wasiat atau fail pewasiat

telah ditutup. Dalam proses pendaftaran, pihak MAIS mengenakan *fee* (yuran) bagi setiap permohonan yang diterima. Jumlah yuran yang ditetapkan oleh pihak MAIS adalah berbeza mengikut jenis perkhidmatan dalam pengurusan wasiat (Jadual Kedua, Kaedah-kaedah Pengurusan Wasiat).

Penyediaan Dokumen Wasiat Bertulis

Setelah memenuhi butir-butir maklumat di dalam Borang A, pewasiat perlulah melengkapkan Dokumen Wasiat Bertulis dengan maklumat-maklumat seperti nama, nombor kad pengenalan, alamat, pengakuan pewasiat yang melantik MAIS sebagai wasi dan pemegang amanah kepada harta pusaka pewasiat serta senarai serta butir-butir harta pewasiat. Pewasiat akan menyemak segala maklumat yang dimasukkan di dalam Dokumen Wasiat Bertulis dan menandatangani borang tersebut di hadapan saksi-saksi. Dokumen Wasiat Bertulis yang telah ditandatangani oleh pewasiat dan saksi-saksi hendaklah mendapat pengesahan dan dimeterai oleh pihak MAIS.

Penyimpanan

Dokumen Wasiat Bertulis hendaklah dibuat dalam dua salinan, untuk simpanan MAIS dan pewasiat. Dokumen Wasiat Bertulis yang telah ditandatangani oleh pewasiat dan saksi-saksi akan disimpan di dalam peti besi. Hanya pegawai yang diberi kuasa mentadbir sesuatu wasiat boleh mengakses peti besi tersebut. Tempoh penyimpanan wasiat tersebut tamat sebaik sahaja berlakunya pembacaan wasiat (Indera Shahril 2012).

Pindaan atau Pembatalan Wasiat

Dalam tempoh selepas wasiat itu dibuat sehingga hari kematiannya, pewasiat mempunyai hak untuk membatalkan wasiat tersebut, sama ada melibatkan keseluruhan atau sebahagian daripadanya. Asas kepada keharusan membatalkan wasiat ini ialah wasiat adalah satu akad yang bersifat tidak lazim iaitu tidak mengikat kedua-dua pihak sehinggalah selepas kematian pewasiat itu. Dari sudut ini, akad wasiat hanya sempurna selepas benefisiari menerima *qabul* wasiat tersebut yang hanya boleh dilakukan selepas kematian pewasiat. Keadaan ini samalah seperti keharusan membatalkan akad hibah sebelum diterima oleh penerimanya. Ini bertepatan dengan kaedah fikah, ‘Setiap akad yang tidak disertakan dengan penerimaan yang sah, maka pihak penawar berhak untuk membatalkannya’ (al-Rafi’i 1997; al-‘Imrani t.th.). Dalam hal ini, diriwayatkan daripada Sayyidina ‘Umar al-Khattab pernah berkata “Seseorang boleh mengubah wasiatnya sebagaimana yang dikehendakinya” (al-Bayhaqi 2003). Sesuatu wasiat boleh dibatalkan secara nyata misalnya “Saya batalkan wasiat ini”, “Saya tarik balik wasiat ini” dan seumpamanya atau secara

tersirat misalnya “Harta ini haram ke atas dia (benefisiari), “Harta ini untuk warisku selepas aku mati” dan seumpamanya (al-Nawawi 2003) Seksyen 12(d). Wasiat juga boleh dibatalkan dengan pewasiat membuat wasiat yang baru yang berbeza dengan wasiat terdahulu Seksyen 15(1). Pewasiat boleh jika hendak membuat sebarang pindaan, pembatalan atau perubahan ke atas wasiat yang telah dibuat selama tempoh dokumen wasiat tersebut disimpan. Untuk tujuan tersebut, pewasiat perlulah mengemukakan notis bertulis kepada pihak MAIS untuk memberitahu mengenai pindaan dan pembatalan wasiat yang hendak dilakukan Seksyen 11(1), Kaedah-kaedah Pengurusan Wasiat. Namun, perlu ditekankan bahawa sebarang pindaan, pembatalan atau perubahan yang dibuat terhadap sesuatu wasiat hendaklah dibuat secara bertulis di hadapan dua orang saksi Seksyen 11(2). Selepas menerima pemberitahuan mengenai pembatalan tersebut, Majlis hendaklah memberitahu pewasiat secara bertulis mengenai pembatalan wasiatnya Seksyen 13.

Selain pembatalan secara sukarela, wasiat juga boleh terbatal dengan sebab-sebab di luar kawalan seperti pewasiat menjadi seorang yang tak sempurna akal dan mati dalam keadaan tersebut, benefisiari mati sebelum pewasiat, dan sesuatu yang ditentukan sebagai harta atau manfaat wasiat telah musnah sebelum kematian pewasiat Seksyen 12(a), (b) dan (c) Enakmen Wasiat Selangor. Selain itu, wasiat menjadi batal jika benefisiari wasiat membunuh pewasiat Seksyen 14, dan jika pewasiat melakukan sesuatu perbuatan atau mewujudkan suatu keadaan yang menunjukkan dengan *qarinah* atau *urf* bahawa dia telah menarik balik wasiatnya atau pewasiat telah melupuskan hartanya sehingga habis sama sekali Seksyen 15(2). Wasiat juga batal dengan berlakunya pindah milik harta wasiat itu kepada orang lain sama (al-Nawawi 2003).

Pengemaskinian Status Pewasiat

Bagi memastikan pewasiat masih hidup, pihak MAIS akan merekod setiap maklumat daripada pewasiat, dalam bentuk bertulis atau lisan. Maklumat tersebut direkod setiap tempoh 3 hingga 6 bulan sekali. Pada masa yang sama, pewasiat boleh menghubungi pihak MAIS bagi menyatakan status terkini pewasiat (Indera Shahril 2012).

PELAKSANAAN WASIAT

Proses pelaksanaan wasiat di MAIS bermula daripada penerimaan maklumat kematian pewasiat. Proses seterusnya ialah pembacaan wasiat, siasatan benefisiari dan waris, siasatan harta pewasiat, penilaian harta, pengesahan wasiat (jika perlu), dan akhir sekali pelaksanaan wasiat (pindah milik harta kepada benefisiari).

Penerimaan Maklumat Kematian Pewasiat

Berikutan kematian pewasiat, pihak waris, ahli keluarga atau saksi perlulah memberitahu kepada pihak MAIS dengan mengemukakan sijil kematian pewasiat yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara atau apa-apa perintah Mahkamah yang dibuat untuk maksud sedemikian Seksyen 15, Kaedah-kaedah Pengurusan Wasiat. Pengesahan kematian pewasiat juga boleh dengan mengemukakan permit pengebumian atau Perintah Anggapan Kematian dari Mahkamah (Indera Shahril 2012).

Pembacaan Wasiat

Selepas segala urusan berkaitan pengebumian pewasiat dilakukan, pihak MAIS akan memberitahu kepada pihak penerima wasiat, waris-waris dan saksi-saksi secara bertulis untuk upacara membaca wasiat Seksyen 20. Pembacaan dokumen wasiat bertulis dilakukan di hadapan penerima wasiat, waris-waris, dan saksi-saksi mengikut tempat yang dipersetujui bersama. MAIS perlu dimaklumkan oleh waris jumlah sebenar harta pewasiat. Ini bagi mengelakkan berlakunya percanggahan dalam proses pembahagian wasiat. Sekiranya harta tersebut melebihi satu pertiga, pihak MAIS yang dilantik sebagai wasi bagi pihak penerima wasiat (sekiranya waris) akan mendapatkan keizinan waris-waris yang lain. Sekiranya wasiat yang melebihi satu pertiga itu tidak dipersetujui, wasiat tersebut menjadi tidak sah dan tidak boleh dilaksanakan Seksyen 21(1) dan (2). Peraturan berkenaan kadar satu pertiga ini adalah pandangan jumhur fuqaha, termasuk mazhab Syafie berdasarkan hadis riwayat Sa'ad bin Abi Waqqas yang mana Rasulullah SAW bersabda, *al-Thuluth wa al-Thuluth kathir* bermaksud sepertiga, namun sepertiga itu pun masih banyak (al-Shawkani 1999; al-'Asqalani t.th.). Penetapan kadar maksimum bagi pemberian wasiat ini adalah menjaga kepentingan waris-waris pewasiat kerana mereka mempunyai hak ke atas bahagian harta tersebut (Abdul Rashid 1986).

Siasatan

Setelah selesai segala urusan berkaitan kematian pewasiat, pihak MAIS akan menjalankan siasatan ke atas seluruh harta pewasiat dan memastikan kewujudan penerima wasiat Seksyen 17. Siasatan dilakukan merangkumi siasatan kepada benefisiari, waris dan harta pewasiat. Siasatan terhadap penerima wasiat dan waris yang tersenarai dalam Dokumen Wasiat Bertulis bertujuan mengelakkan percanggahan dan memastikan maklumat yang diberikan adalah benar (Indera Shahril 2012). Manakala siasatan mengenai harta pewasiat dijalankan ke atas penerima wasiat, waris-waris dan saksi-saksi yang terlibat melalui maklumat yang diberikan. Siasatan bukan sahaja tertumpu kepada harta pewasiat, tetapi ia

juga melibatkan mengenai hutang-hutang pewasiat kepada pemiutang dan hutang penghutang kepada pewasiat Seksyen 1.

Penilaian Harta

Tujuan penilaian harta pewasiat adalah mendapatkan nilai sebenar harta wasiat, merangkumi harta tak alih dan harta alih. Penilaian harta tak alih seperti rumah, boleh dilakukan dengan menggunakan perkhidmatan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) atau mana-mana jurunilai harta yang berdaftar. Manakala penilaian ke atas harta alih, pihak MAIS akan menilai melalui perkhidmatan penilai-penilai *valuer* yang berlesen. Contohnya, penilaian bagi emas dilaksanakan di *al-Rahn* Bank Rakyat, manakala penilaian ke atas kenderaan dinilai oleh penilai berlesen atau dinilai mengikut persetujuan ahli waris. Segala yuran bagi setiap perkhidmatan penilaian ditanggung oleh pihak penerima wasiat atau waris-warisan atau pun ditolak daripada jumlah harta wasiat (Indera Shahril 2012).

Pengesahan Wasiat

Jika berlaku percanggahan atau pertikaian berkenaan kesahihan maklumat dalam Borang Wasiat Bertulis, maka pihak penerima wasiat, waris-warisan, dan saksi-saksi boleh mengemukakan permohonan melalui saman dan penyata tuntutan di Mahkamah Syariah. Selain itu, pemohon perlu menyatakan sepenuhnya jenis perintah yang dipohon dan melampirkan bersama maklumat yang terperinci berkaitan wasiat tersebut Seksyen 23(1) dan (2). Setiap percanggahan yang berlaku antara penerima wasiat, waris-warisan dan saksi-saksi dapat diatasi dengan adanya perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah Seksyen 23 (3). Setelah Mahkamah Syariah mengesahkan dan membenarkan untuk sesuatu wasiat dilaksanakan, proses pertukaran hak milik boleh diteruskan. Sekiranya melibatkan harta tak alih, pertukaran hak milik dibuat di Pejabat Tanah melalui perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah atau geran probet yang dikemukakan kepada Pejabat Tanah. Bagi harta alih pula, urusan pertukaran hak milik perlu dibuat di institusi berkaitan dengan harta tersebut, misalnya JPJ bagi kenderaan dan institusi kewangan tertentu bagi saham atau wang (Indera Shahril 2012).

Pelaksanaan Wasiat

MAIS hendaklah mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai wasi sesuatu wasiat atau sebagai pentadbir harta pusaka si mati atau sebagai pemegang amanah mana-mana amanah. MAIS juga bertanggungjawab untuk melaksanakan apa-apa yang telah diamanahkan kepadanya bagi maksud pelaksanaan suatu wasiat Seksyen 5(4), Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor, Seksyen 24(1) dan (2), Kaedah-

Kaedah Pengurusan Wasiat. Dengan kuasa yang diperuntukkan itu, pihak MAIS boleh melaksanakan Dokumen Wasiat Bertulis yang telah disahkan oleh Mahkamah Syariah dan telah mendapat persetujuan daripada pihak penerima wasiat, waris-waris dan saksi-saksi dengan mendapatkan geran probet daripada Mahkamah Tinggi Sivil untuk mengesahkan pelantikan sebagai pentadbir kepada harta wasiat tersebut (Indera Shahril 2012). MAIS adalah wasi yang dilantik dan bertanggungjawab dalam mengagihkan harta-harta pewasiat kepada benefisiari yang dinyatakan dalam dokumen wasiat. Kuasa pengagihan tersebut adalah berdasarkan pelantikan MAIS sebagai wasi di bahagian Unit Wasiat dan Amanah yang terletak di bawah Bahagian Harta Baitulmal. Sekiranya pewasiat telah menentukan bahagian harta yang hendak diberikan kepada benefisiari di dalam dokumen wasiatnya, harta tersebut akan dipindahkan kepada mereka. Tetapi, sekiranya pewasiat tidak menentukan antara harta alih atau harta tak alih yang akan diberikan kepada benefisiari, maka persetujuan daripada ahli waris akan diperoleh bagi membahagikan harta tersebut kepada benefisiari yang dinyatakan dalam dokumen wasiat (Indera Shahril 2012). Setelah memperolehi surat kuasa geran probet, MAIS boleh membahagikan harta wasiat kepada penerima wasiat yang layak. Manakala harta yang lebih perlu diagihkan kepada waris-waris yang lain melalui Perintah Pembahagian harta pusaka daripada tiga pihak iaitu Mahkamah Tinggi Sivil, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), dan Amanah Raya Berhad (ARB), serta mendapatkan sijil faraid daripada Mahkamah Syariah. Pada masa yang sama, MAIS juga perlu mendapatkan surat kuasa mentadbir yang boleh diperoleh di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) bagi meneruskan proses mentadbir harta pewasiat yang kurang daripada RM2 juta. Manakala bagi harta yang melebihi nilai RM2 juta, MAIS perlu berurusan dengan Mahkamah Tinggi Sivil (Indera Shahril 2012).

KESIMPULAN

Wasiat merupakan antara perkara yang dituntut oleh Islam dalam urusan hal ehwal kehartaan khususnya sebagai instrumen perancangan harta. Wasiat diaplikasikan agar dapat memenuhi keperluan dan hasrat pemilik harta. Perlu ditekankan juga bahawa wasiat yang berkesan, selain dengan memenuhi rukun dan syaratnya, ialah yang dilakukan dengan melantik wasi yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan wasiat tersebut. Dalam konteks negeri Selangor, MAIS telah diamanahkan sebagai wasi bagi wasiat yang berpandukan Kaedah-Kaedah Pengurusan Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 2008 yang merupakan peraturan yang pertama seumpamanya berkenaan wasiat di Malaysia. Kaedah-Kaedah ini merupakan peraturan yang digubal untuk menerangkan prosedur-prosedur yang perlu diikuti oleh MAIS sebagai penyedia perkhidmatan yang juga wasi kepada sesuatu wasiat. Selain itu, Kaedah-kaedah ini juga merupakan panduan kepada orang Islam dalam membuat wasiat di MAIS. Adalah dicadangkan supaya negeri-negeri yang belum

mempunyai undang-undang wasiat dan juga kaedah-kaedah pengurusan wasiat mengambil inisiatif menggubal undang-undang berkenaan. Untuk peringkat awal, Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 (No. 4/1999) dan Kaedah-Kaedah Pengurusan Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 2008 boleh dijadikan rujukan untuk usaha-usaha penggubalan ini. Namun, perlu juga ditekankan bahawa enakmen wasiat yang ingin digubal itu perlu mengambil kira pandangan jumah fukaha dalam perkara wasiat kepada waris seperti yang telah dilakukan dalam penggubalan Rang Undang-undang Wasiat Orang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2001. Bagi menambahbaik sistem pentadbiran wasiat orang Islam, Mahkamah Syariah mestilah diberikan bidang kuasa untuk mengeluarkan surat probet yang sekarang ini di bawah Mahkamah Sivil. Untuk itu, Mahkamah Syariah mesti mempunyai undang-undang probetnya sendiri. Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Akta 97) mestilah dipinda bagi mengecualikan orang Islam mendapatkan probet daripada Mahkamah Sivil kepada Mahkamah Syariah dalam urusan wasiat mereka.

RUJUKAN

- Abu Zahrah, M. t.th. *Ahkam al-Tarikah wa al-Mawarith*. Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabiy.
- Abdul Rashid Abdul Latif. 1986. *Wasiat dalam Islam: Pengertian dan Kedudukannya di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Hidayat Buang. 2007. Prinsip dan Pelaksanaan Wasiat. Dlm. Ahmad Hidayat Buang (pnyt.). *Undang-undang Islam di Malaysia: Prinsip dan Amalan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ahmad Ibrahim. 1976. *The Distribution of Estates According to Shafii Law*. Singapura: Malayan Law Journal.
- Akta Probet dan Pentadbiran (Akta 97).
- Akta Wasiat 1959 (Akta 346).
- Alaromic Rumsey. 1994. *Mohammadan Law of Inheritance*. Lahore: Sang-e-meel Publications.
- Badran Abu al-‘Aynayn Badran. 1985. *al-Mawarith wa al-Wasiyyah wa al-Hibah fi al-Shari’ah al-Islamiyyah wa al-Qanun*. Iskandariyah: Mu’assasah Shabab al-Jami’ah.
- al-Bayhaqi, Abi Bakr Ahmad bin al-Husayn. 2003. *al-Sunan al-Kubra*. Jil. 6. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005 (No. 4/2005).

- Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 (No.5/2004).
- Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 (No. 4/1999).
- Ibn Hajar, al-‘Asqalani, Ahmad bin ‘Ali bin Muhammad bin Hajar. t.th. *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*. Jil. 5. Kaherah: Dar al-Taqwa.
- Ibrahim bin Haji Abu Bakar lwn Mohd Sah bin Mohd Ali dan lain-lain.*
- Ibrahim Mustafa et al. t.th. *al-Mu‘jam al-Wasit*. Jil. 2. Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Ibn al-Manzur, Jamal al-Din Muhammad bin Mukram. 2003. *Lisan al-‘Arab*. Jil. 9. Kaherah: Dar al-Hadith.
- al-‘Imrani, Abi al-Husayn Yahya Ibn Abi al-Khayr. t.th. *al-Bayan fi Madhhab al-Imam al-Shafi‘i: Sharh Kitab al-Muhadhdhab*. Jil. 8. t.tp: Dar al-Minhaj.
- Indera Shahril bin Mohd Shahid. 2012. Pengurus harta Baitulmal, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) di Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Temubual, 2 Mac.
- al-Jaziri, ‘Abd al-Rahman. t.th. *Kitab al-Fiqh ‘ala al-Madhahib al-Arba‘ah*. Jil. 3. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Kaedah-kaedah Pengurusan Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 2008 (No. 13/2008).
- Kamal Hamdi. 1987. *al-Mawarith wa al-Hibah wa al-Wasiyyah*. Iskandariyah: Dar al-Matbu‘ah al-Jami‘iyyah.
- Lucy Carroll. 2001. Life interests and inter-generational transfer of property avoiding the law of succession. *Islamic Law and Society* 8(2): 245-286.
- MY Ahmad, H Laluddin. 2010. Pengurusan harta pusaka: Permasalahan sikap masyarakat Islam di Malaysia dan penyelesaiannya menurut perspektif Islam. *Shariah Law Reports* 4: 30-54.
- Mustafa al-Khin et al. 2003. *Fiqh al-Manhaji ‘ala Madhhab al-Imam al-Shafi‘i*. Jil. 3. Damsyik: Darul Qalam.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2011. *Hibah dalam Undang-undang Islam: Prinsip dan Amalan*. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2012. *Wasiat & Wisayah dalam Perancangan Harta: Prinsip dan Amalan*. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2015. Pentadbiran Harta Pusaka: Perspektif Semasa. Seminar Isu Harta Pusaka Tertunggak di Malaysia: Perspektif Pentadbiran dan Undang-undang. Anjuran Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 6 April.

al-Nawawi, Abi Zakariyya Mahy al-Din. 2003. *Rawdat al-Talibin*. Jil. 5. Riyad: Dar ‘Alim al-Kutub.

al-Rafi‘i, ‘Abd al-Karim bin Muhammad. 1997. *al-‘Aziz Sharh al-Wajiz*. Jil. 7. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

al-San‘ani, Muhammad bin Isma‘il. 2005. *Subul al-Salam Sharh Bulugh al-Maram min Jam‘ Adillat al-Ahkam*. Jil. 2. Kaherah: Maktabat al-Safaal-San‘ani.

al-Shawkani, Muhammad bin Isma‘il bin Muhammad. 1999. *Nayl al-Awtar*. Jil. 6. al-Mansurah: Maktabat al-Iman.

Undang-undang Wasiat Mesir 1946 (No. 71/1946).

Utusan Malaysia, 2 April 2009.

Utusan Malaysia, 5 Ogos 2010.

Utusan Malaysia, 16 Februari 2013.

al-Zuhayli, Wahbah. 1998. *al-Wasaya wa al-Waqfi al-Fiqh al-Islami*. Damshiq: Dar al-Fikr.